

'Malaysia negara perdagangan terbuka kepada pelaburan'



Anwar tegaskan kerjasama antara MAHB, GIP penting dan disokong

Mahani Ishak
bhbiz@nstp.com.my

Malaysia kekal sebagai negara perdagangan yang terbuka kepada pelaburan, termasuk pelabur terbesar Amerika Syarikat (AS), kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri menegaskan pendirian itu ketika berucap pada majlis makan tengah hari Dewan Perniagaan Amerika Syarikat dan Malaysia (AMCHAM) berhubung kontroversi penjualan saham Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) kepada BlackRock, syarikat yang didakwa menyokong Israel.

"Kita menyatakan dengan sangat jelas Malaysia mesti kekal sebagai negara perdagangan yang terbuka kepada pelaburan.

"Sehubungan itu, kerjasama antara MAHB dan GIP kepada Malaysia penting dan kami sebagai kerajaan akan menyokong.

Itu juga saya jelaskan kepada Ahli Parlimen (di Dewan Rakyat) dan saya berasakan pendirian berkenaan pelaburan luar negara dan perkara khusus berkaitan AS," katanya ketika berucap pada majlis Makan Tengahari AMCHAM di Sheraton Imperial Hotel di Kuala Lumpur, semalam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif AMCHAM, Siobhan Das, berkata Malaysia akan terus menjadi destinasi pelaburan utama kepada firma dari AS berdasarkan kepada pencapaian dan kestabilan ekonomi negara.

Katanya, pelaburan daripada syarikat AS adalah penting kepada pertumbuhan ekosistem ekonomi di Malaysia.

Pelaburan daripada syarikat AS selama 50 tahun di Malaysia juga sudah menjadi asas kepada pertumbuhan ekosistem perniagaan dan ekonomi, menjadikan

Malaysia menjadi antara negara maju pada peringkat serantau.

"Sudah tentu jalinan selama ini akan dikekalkan dan dipertingkatkan lagi dengan pelaburan baharu kerana Malaysia adalah pasaran yang menarik kepada AS.

"Langkah menarik lebih banyak pelaburan daripada AS akan diteruskan dengan penuh berdaya saing. Ketika ini juga pelaburan dari AS ke Malaysia adalah yang tertinggi berbanding dengan ekonomi utama yang lain," katanya.

Ditanya apakah sektor baharu yang boleh diteroka dalam pelaburan daripada syarikat AS, Das berkata, pembuatan masih lagi menjadi komponen utama pelaburan di Malaysia.

Beliau berkata, apabila mempunyai pelaburan dalam pembuatan secara tidak langsung ia juga akan mempunyai keupayaan untuk menarik sek-

tor perkhidmatan.

Justeru, katanya, berdasarkan kepada pengukuhan selama ini dalam pembuatan, Malaysia mempunyai asas kukuh untuk mengembangkan sektor perkhidmatan.

"Ini akan menjadikan Malaysia mendapat pelaburan dalam dua sektor yang terbaik dan antara yang utama dalam ekosistem ekonomi. Malaysia akan mendapat pelaburan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan.

"Malah pada ketika ini juga sudah wujud pelaburan dalam sektor perkhidmatan baharu seperti teknologi awan yang mampu memanfaatkan semua kekuatan yang ada," katanya.

Sementara itu, Pengerusi AMCHAM, Antony Lee, berkata AMCHAM sudah menjadi batu asas dalam landskap perniagaan, berfungsi sebagai penghubung penting antara perniagaan AS dan pasaran Malaysia untuk hampir lima dekad, menjadikannya pasaran penting dalam rantaian bekalan global.

Beliau berkata, pelaburan syarikat AS selama ini di Malaysia juga membuka pelbagai peluang, termasuk peningkatan kerjaya kepada pekerja tempatan serta penambahan pengetahuan.

Katanya, mereka membina te-

naga kerja tempatan dan ekosistem di sekeliling mereka termasuk rantaian bekalan. Itulah yang mewujudkan asas luar biasa perniagaan kecil dan sederhana (PKS) negara.

"Syarikat AS terus melabur dan melabur semula. Oleh itu, kami melihat pelaburan baharu dan pelaburan semula daripada industri semikonduktor ketika mereka memajukan Malaysia dalam rantaian nilai.

"Pelaburan berkenaan mencekutkan pertumbuhan luar biasa dalam bidang peranti perubatan, aeroangkasa, pusat data dan perkhidmatan awan," katanya.

Lee berkata, pihaknya percaya jalinan kerjasama dengan kerajaan dan perniagaan tempatan akan dapat mewujudkan ekonomi yang cergas dan berdaya tahan yang seterusnya memberi manfaat kepada semua.

Beliau berkata, dalam landskap global yang pesat berubah ketika ini, adalah penting untuk semua pihak mengukuhkan perkongsian dan memanfaatkan kepakaran kolektif bagi mengharungi cabaran dan merebut peluang yang menanti.

Kerjasama antara kerajaan dan komuniti perniagaan AS adalah penting untuk memacu inovasi, meningkatkan daya saing dan mewujudkan jalan baharu untuk pertumbuhan.



"Malaysia akan terus menjadi destinasi pelaburan utama kepada firma dari AS berdasarkan kepada pencapaian dan kestabilan ekonomi negara"

Siobhan Das,
Ketua Pegawai Eksekutif AMCHAM